

08 SEP 1996

Sarawak - Sambutan

KEKALAHAN DR WONG TIMBULKAN KESEDIHAN DALAM KERIANGAN BN

Oleh: Sobrey Jaafar dan E. Sivabalan

KUCHING, 8 Sept (Bernama) -- Tepukan dan sorakan pemimpin serta penyokong Barisan Nasional (BN) bagi meraikan kemenangan besar mereka dalam pilihan raya negeri terhenti seketika apabila Pengerusi Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Tan Sri Dr Wong Soon Kai berjalan masuk ke dewan tamu Demak Jaya, rumah Ketua Menteri Sarawak.

Tiba-tiba kesedihan menyelubungi suasana itu kerana mereka bersimpati dengan Dr Wong, yang gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Assek apabila tewas kepada calon DAP, Wong Ho Leng, dengan kelebihan 226 undi iaitu keputusan paling memeranjatkan pada pilihan raya negeri ini.

Suasana dewan itu menjadi lebih sedih apabila Tan Sri Abdul Taib Mahmud, memeluk erat Dr Wong bagi menyatakan simpatinya terhadap kekalahan beliau.

Dengan linangan air mata, Dr Wong yang juga Timbalan Ketua Menteri memberitahu Abdul Taib: "Maafkan saya, saya tewas."

Dr Wong, yang tiba dari Sibul kira-kira pukul 10 malam tadi selepas mengetahui keputusan kerusi Bukit Assek, dipeluk seorang demi seorang hadirin yang pada masa itu sedang mengikuti keputusan pilihan raya negeri menerusi siaran langsung Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Datuk James Wong Kim Min, pula tidak dapat menahan perasaannya semasa memeluk rakan kabinetnya itu dan dengan linangan air mata berkata beliau sangat bersimpati dengan kekalahan Dr Wong.

Dr Wong kemudian dikerumuni oleh penyokong BN yang turut bersimpati dengan kekalahannya.

Bukit Assek adalah satu daripada kawasan DUN di daerah sibul.

Bagaimanapun beliau sempat menjawab pertanyaan para pemberita dan mengumumkan hasratnya mengundurkan diri daripada politik.

Dr Wong berkata: "SUPP akan mengadakan pemilihan pemimpin parti tahun depan dan saya akan menarik diri daripada pertandingan itu."

Semasa ditanya mengapa beliau tidak mahu bertanding, Dr Wong berkata beliau berkata: "Kerana usia dan kerana saya kalah (pada pilihan raya negeri ini)."

Dr Wong, 69, menuntut bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam bidang perubatan di Universiti Malaya di Singapura.

Anggota Parlimen Sibul, Robert Lau Hoi Chew, yang turut berada bersama wartawan pada masa itu berkata: "Tan Sri tidak akan mengundurkan diri."

Dr Wong, yang datang ke Demak Jaya dengan tangisan, kemudian beredar dalam tangisan.

Bagaimanapun, keriangian BN dengan kemenangan calon-calon BN lain tetap diraikan dengan tepukan dan pelukan kegembiraan.

Sungguhpun Abdul Taib berpuas hati dengan kejayaan parti-parti komponen BN yang dipimpinnnya, beliau kelihatan bersedih dengan kekalahan Dr Wong.

Perkataan "YB" (Yang Berhormat) juga kedengaran semula selepas sebutan itu "reda" apabila DUN dibubarkan pada 15 Ogos lepas.

Kini, persoalannya ialah siapakan di antara anggota SUPP yang memenangi kerusi DUN yang akan dilantik mengisi kerusi Timbalan Ketua Menteri yang dikosongkan Dr Wong. -- BERNAMA

SJA ES NAK